

Menyingkap yang tersirat di sebalik pemikiran PM

Di antara tahun

BR 12 MAR 1991

1993 dan 2020

PENTADBIRAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini memasuki era kedua — era 90-an. Kalau era 80-an memperlihatkan pelbagai dasar dan program yang mencabar sikap dan semangat rakyat, apakah pula wawasan dan gagasan beliau di era 90-an? **A NAZRI ABDULLAH** cuba menyurat apa yang tersirat dalam pemikiran Dr Mahathir untuk era 90-an.

ERA 80-an pemerintahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah era mengubah sif Kap dan meniuip semangat. Mencairkan kebekuan fikiran dan memulihkan semangat yang lemah, iaitu dua kesan peninggalan penjajah yang belum sepenuhnya diatasi, adalah cabaran pertama yang mahu diatasi oleh Dr Mahathir. "Saya mahu melihat tandas di Malaysia lebih bersih", begitulah kata Dr Mahathir dalam sidang akhbar-nya yang pertama selepas menjadi Perdana Menteri. Ramai orang yang menyangka kata-kata beliau itu cuma guraan. Sangkaan ini tidak benar kerana seorang doktor sentiasa serius dalam soal kebersihan. Dengan itulah tandas awam, parit dan longkang menjadi tempat pertama yang beliau lawati.

Beliau menggunakan pendekatan seorang doktor untuk menangani permasalahan rakyat dan negara. Bagi seorang doktor, sebelum sesuatu pembedahan dilakukan, kebersihan mestilah dipastikan terlebih dahulu. Begitu jugalah dengan Dr Mahathir. Sebelum pemikiran dan sikap rakyat dibedah, rakyat mestilah dilatih supaya mengutamakan kebersihan. Sementara itu, kebersihan adalah asas disiplin.

Selepas tandas, parit dan longkang dibersihkan, satu demi satu perubahan diperkenalkan untuk mengubah sikap kakitangan kerajaan dan rakyat. Tanda nama, alat perakam waktu, penyeragaman waktu Malaysia Timur dan Barat dan sebagainya adalah

lagi dengan menyuntik beberapa vaksin baru untuk mengubati virus lemah semangat, tidak berkeyakinan diri dan tidak sanggup menghadapi cabaran, khususnya di kalangan warga koporat Melayu. Dasar pandang ke Timur, persyarikatan Malaysia, penswastaan dan perindustrian berat adalah ubat mujarab yang melahirkan Proton Saga, Perwaja dan beberapa industri berat yang lain.

Setiap pembaharuan selalunya akan menghadapi tentangan. Begitu juga dengan Dr Mahathir. Projek Proton Saga bukan saja mendapat tentangan daripada perwakilan Umno, malah kalangan akademik dan Menteri Kabinetnya sendiri ada yang kurang yakin dengan projek itu. Pelbagai komen dan kritikan dikemukakan di seminar, forum malah di Perhimpunan Agung Umno sendiri.

Bagaimanapun bagi Dr Mahathir, kritikan adalah vitamin yang akan menguatkan lagi semangatnya mengharungi cabaran. Kejayaan seseorang pemimpin bukan sahaja terletak kepada kebernasan wawasan dan gagasannya, tetapi kemampuannya mengurus kritikan, krisis dan konflik. Kata Bernard Shaw, pemimpin yang lemah akan membiarkan dirinya dipengaruhi suasana tetapi pemimpin yang berwibawa akan berusaha mengubah suasana. Dr Mahathir memilih untuk mengubah suasana.

Melalui proses bedah siasat dan suntikan vaksin yang dilakukan oleh Dr Mahathir se-

Pemimpin yang berjaya adalah yang banyak belajar daripada sejarah. Dr Mahathir mengakui banyak membaca buku sejarah dan falsafah. Strategi dan falsafah Peter The Great dan Sun Tzu adalah antara bahan yang jadi kegemarannya.

Tentu sekali beliau juga peminat Collingwood dan H E Carr yang melihat sejarah sebagai jambatan menghubungkan masa lalu dengan masa kini

hubungan luar yang lebih pragmatik, dinamik dan kritikal, dalam masa yang singkat Dr Mahathir muncul sebagai pemimpin yang disegani oleh negara Utara dan Selatan.

Beliau adalah jurucakap negara membangun di forum antarabangsa. Pendiriannya yang tegas dan pandangannya yang kritikal terhadap dasar-dasar Barat yang menindas, menjadikan Dr Mahathir pemimpin dari negara kecil yang tidak takut menghadapi cabaran besar. Kita boleh membariskan pelbagai kejayaan yang mengharumkan nama Malaysia sepanjang pemerintahan beliau, tetapi cukuplah dinyatakan bahawa Presiden Bush bukan saja pernah menghantar surat peribadi, malah menelefon sendiri Dr Mahathir untuk mendapat pandangan Malaysia mengenai satu isu antarabangsa.

Kita tidak seharusnya lupa ketika segala kejayaan ini dicapai, Dr Mahathir juga dihadapkan dengan pelbagai cabaran politik dalam negara. Krisis kepimpinan MCA, perletakan jawatan Datuk

yang berguna untuk melahirkan keinsafan dan keyakinan. Sememangnya ini adalah hakikat yang pernah digunakan oleh pemimpin-pemimpin dunia, sehingga ada yang sengaja menciptakan konflik dan krisis untuk mencapai satu-satu tujuan.

Pemimpin yang berjaya adalah pemimpin yang banyak mempelajari daripada sejarah. Dalam satu temubual dengan beliau dua tahun lalu, Dr Mahathir mengakui beliau banyak membaca buku sejarah dan falsafah. Strategi dan falsafah Peter The Great dan Sun Tzu adalah antara bahan sejarah yang menjadi kegemaran beliau. Tentu sekali Dr Mahathir juga peminat Collingwood dan H E Carr yang melihat sejarah sebagai jambatan yang menghubungkan masa lalu dengan masa kini. Sejarah sebagai "the living soul of the past" banyak manfaatnya.

Retrospektif sejarah jika dimengerti dan dihayati akan menjamin prospektif masa depan.

pembaharuan yang bertujuan mengubah sikap rakyat supaya menjadi pekerja yang rajin, berdisiplin dan dedikasi.

Perubahan yang didahulukan dengan kepemimpinan melalui teladan ini berjaya melahirkan persekitaran yang bersih dan budaya kerja yang sihat. Kebanyakan tandas awam kini sudah mempunyai penjaga dan pejabat kerajaan pula tidak lagi dipenuhi kepulan asap dan puting rokok. Walaupun kejayaannya tidak mungkin seratus peratus, sekurang-kurangnya kakitangan kerajaan sekarang lebih berdisiplin dan bersikap positif terhadap kerja dan tanggungjawab mereka.

Selepas sikap kakitangan kerajaan berjaya diubah, Dr Mahathir melangkah setapak

panjang era 80, rakyat Malaysia kini tidak lagi berasa rendah diri dan cepat mengaku kalah. Kini sudah wujud sekumpulan usahawan Melayu yang sanggup menerima cabaran untuk terus mara ke hadapan. Mereka tidak lagi berfikir negatif tetapi sentiasa berusaha mencari peluang menambah kemajuan. Sebenarnya kejayaan persyarikatan Malaysia dan penswastaaan adalah kejayaan Dr Mahathir mengubah sikap dan meniup semangat rakyat Malaysia.

Walaupun sibuk mengemaskan rumahtangga sendiri, Dr Mahathir masih mempunyai masa untuk menyumbang idea dan baktinya kepada masyarakat antarabangsa. Dengan mengamalkan dasar

Musa Hitam, pemilihan Umno 1987, Umno diharamkan dan pilihanraya 1990 adalah cabaran-cabaran politik yang amat getir buat Dr Mahathir Mohamad. Cabaran dan dugaan yang getir seperti ini tidak dialami oleh Perdana Menteri sebelum beliau, justeru itu ada pihak yang berpendapat Dr Mahathir adalah pemimpin yang sememangnya gemar mencari cabaran.

Bagi pemimpin yang berfikir proaktif seperti Dr Mahathir, dugaan yang berbentuk konflik dan krisis ini sebenarnya adalah peluang untuk mengubah suasana, sikap dan pemikiran rakyat.

Krisis yang sengit jika diuruskan dengan sempurna akan menjadi pengajaran

pada mencukupi untuk Malaysia.

Bagi doktor mata angka 2020 menunjukkan penglihatan yang cerah dan tajam. Tentu sekali Dr Mahathir juga mempunyai pemikiran dan pandangan yang jelas terhadap Malaysia maju yang beliau idamkan.

Tentulah apa yang dihasratkan oleh Dr Mahathir ini dibuat dalam kerangka pemikiran yang lebih luas. Gagasan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dipelopornya adalah antara rencah yang akan melahirkan Malaysia maju di tahun 2020. Penuhuan Sekretariat Asean yang tetap seperti Sekretariat Kesatuan Eropah dan program pembangunan segitiga dengan negara jiran, juga termasuk dalam program yang akan mempercepatkan kelahiran Malaysia maju.

Dari segi penerimaan rakyat, kedua-dua gagasan untuk era 90-an ini sudah pun menunjukkan kejayaannya. Tidak lagi kedengaran komen dan kritikan negatif terhadap gagasan ini walaupun ianya lebih besar daripada gagasan Proton Saga dan perindustrian berat. Rakyat tidak lagi terkejut dengan gagasan yang besar kerana mereka sudah pun dikejutkan di era 80.

Sekaligus ini menunjukkan golongan profesional, usahawan, akademik dan rakyat biasa, sudah boleh menerima wawasan dan gagasan terbaru Dr Mahathir. Kalau dulu gagasan yang dikemukakan oleh beliau akan mengundang pelbagai reaksi dan pandangan negatif, kini suasananya sudah berubah. Mereka yang dulunya gemar mengkritik beliau kini menonton rancangan "Perbualan Dengan Perdana Menteri" dengan penuh minat dan sanjungan.

Jadi selepas ini apa lagi

Jadi apakah pula yang akan dilakukan oleh Dr Mahathir untuk era 90? Barangkali soalan ini agak ketinggalan zaman kerana Dr Mahathir sudah pun berfikir untuk tahun 2020. Objektif perjuangan beliau sekarang ialah menjadikan Malaysia sebuah negara maju setanding dengan negara Barat dan Jepun. Beliau yakin jika sembilan cabaran yang dikemukakan dalam mesyuarat pertama Majlis Perdagangan Malaysia itu dapat diatasi, hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju tidaklah sukar untuk dicapai. Kalau Jepun dan Korea Selatan muncul sebagai negara maju dalam tempoh kurang 30 tahun, maka tempoh 30 tahun yang diberi oleh Dr Mahathir itu sudah lebih dari-

yang hendak dilakukan oleh Dr Mahathir? Rasanya elok kita berhenti daripada bertanya beliau kerana soalan itu perlu juga ditujukan kepada orang lain, khususnya kepada mereka yang melihat tahun 1993 lebih penting daripada 2020.

Apakah semua anggota Kabinet dan Majlis Tertinggi Umno — dua jentera terpenting yang membantu Dr Mahathir — sanggup bekerja lebih kuat, gigih dan bersabar menunggu kehadiran tahun 2020? Soalan ini tidak perlu dijawab dengan kata-kata, tetapi perlakuan.

Setiap mereka tentu dapat membaca isi hati Dr Mahathir. Setelah berhempas pulas dalam pilihanraya umum dan pemilihan Umno 1990, tentulah mendukacitakan Dr Mahathir jika leftenan dan jeneralnya sibuk mengatur strategi untuk cabaran 1993. Beliau sudah pun berjaya memulihkan imej dan mengembalikan kekuatan Umno. Jadi biarlah tempoh sehingga menjelang pilihanraya umum akan datang digunakan oleh Dr Mahathir untuk memantapkan asas-asas kelahiran Malaysia maju di tahun 2020.

Perdana Menteri melantik anggota Kabinetnya untuk membantu beliau berkerja membangunkan negara dan bangsa. Jawatan dan kuasa yang diberi bukanlah untuk menaikkan tokoh tertentu tetapi untuk menaikkan imej bangsa dan negara. Dr Mahathir tentulah mengharapkan seluruh Kabinetnya berkerja untuk tahun 2020, bukannya 1993. Meskipun beliau mungkin tidak sempat melihat pokok yang ditanamnya berbuah di tahun 2020, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menyiram dan membajai pokok itu supaya buahnya dapat dimakan oleh anak cucu kita di masa akan datang.